

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan bantuan input pertanian, ternakan dan perikanan untuk menggalakkan pengeluaran domestik di bawah pakej rangsangan ekonomi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) telah merancang tujuh (7) inisiatif utama yang berkaitan dengan bantuan input pertanian, ternakan dan perikanan serta bantuan-bantuan yang lain untuk menggalakkan pengeluaran domestik seperti berikut:

1. Program Jaminan Bekalan Makanan;
  - Melibatkan pemberian subsidi padi bukit / huma;
2. Program Insentif Logistik dan Pemasaran Nanas;
  - Bagi memudahkan logistik dan pemasaran pengusaha nanas;

3. Program Simpanan Bekalan Makanan;
  - Bagi menstabilkan harga barangan terpilih termasuk pembelian untuk mengatasi lambakan bekalan, keperluan logistik dan gudang simpanan.
  
4. Program Dana Khas Persatuan Nelayan Kawasan (PNK);
  - Melibatkan 103 Persatuan Nelayan dengan penyaluran dana antara RM100 ribu hingga RM200 ribu bagi tujuan penangkapan ikan, ternakan akuakultur, pemasaran dan pemprosesan hasil ikan.
  
5. Program Pembekalan Ikan Segar dan Ikan Beku;
  - Melibatkan geran modal pusingan pembelian ikan, pengukuhan rangkaian pemasaran, pengukuhan dan pengembangan platform jualan serta galakan peningkatan pemasaran.
  
6. Program Dana Khas Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK);
  - Melibatkan 224 Pertubuhan Peladang dengan penyaluran dana antara RM100 ribu hingga RM200 ribu bagi tujuan projek pengeluaran makanan jangka pendek.
  
7. Program Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan.
  - Bagi memudahcara mobilisasi dan logistik bahan makanan daripada sumber kepada pengguna atau industri termasuk gudang penyimpanan tambahan.

Kesemua program di atas sedang dalam proses pelaksanaan oleh pelbagai agensi di bawah MAFI.

Sekian, terima kasih.